

**SOALAN NO. 43****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [ SHAH ALAM ]**

**TARIKH : 4 APRIL 2018**

**SOALAN :**

**YB Tuan Khalid Bin Abd Samad [ Shah Alam ] minta PERDANA MENTERI menyatakan status pindaan kepada Akta Rahsia Rasmi (OSA) yang akan memberi pengecualian atas sebab-sebab kepentingan awam seperti yang dilaporkan oleh pihak media pada tahun 2016.**

85

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian dan semakan sedang dibuat oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) bersama agensi-agensinya berkaitan bagi meminda Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]. Kajian dan semakan bagi meminda Akta 88 diperhalusi sewajarnya supaya menepati peruntukan Perlembagaan Persekutuan untuk mengekalkan keharmonian, perpaduan rakyat berbilang bangsa serta menjaga kepentingan Negara.

Dalam konteks kepentingan awam, pendedahan maklumat rahsia rasmi dibolehkan sekiranya ia disalurkan kepada mana-mana Agensi Penguatkuasaan atau pihak berkuasa yang dibenarkan menurut undang-undang.

Bagi maklumat rahsia rasmi yang hendak didedahkan kepada pengetahuan umum, prosedur-prosedur berikut perlu dipatuhi oleh semua Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan iaitu:-

- i) Maklumat rahsia rasmi tersebut hendaklah dikelaskan semula terlebih dahulu menjadi maklumat terbuka; dan

- ii) disemak dan dinilai bahawa maklumat rahsia rasmi tersebut jika didedahkan tidak akan memberi kesan buruk kepada hal – ehwal ketenteraan, pertahanan, kepentingan ekonomi, keselamatan dan keamanan Negara serta hubungan antarabangsa Malaysia dengan negara luar.

Sekian, terima kasih.